



## **KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN**

### **PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER I SESI 2006/2007**

NAMA MATA PELAJARAN : SOSIOLOGI PENDIDIKAN  
KOD MATA PELAJARAN : BBE 2052  
KURSUS : IJAZAH SARJANA MUDA  
PENDIDIKAN TEKNIK DAN  
VOKASIONAL  
TARIKH PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2006  
JANGKA MASA : 2 JAM  
ARAHAN :

1. **BAHAGIAN A : JAWAB SEMUA(40)** SOALAN DALAM BORANG OMR YANG DISEDIAKAN.
2. **BAHAGIAN B : JAWAB SEMUA(2)** SOALAN DALAM KERTAS JAWAPAN.
3. KERTAS SOALAN TIDAK DIBENARKAN DIBAWA KELUAR DARI DEWAN PEPERIKSAAN.

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 12 MUKA SURAT

**BAHAGIAN A (60 markah)**

- S1 Perkataan *sociology* diperkenalkan oleh Auguste Comte dalam bukunya yang berjudul
- A *Positive Sociology.*
  - B *Negative Sociology.*
  - C *Positive Philosophy.*
  - D *Negative Philosophy.*
- S2 Sosiologi dianggap ilmu yang saintifik kerana perkara berikut kecuali
- A ianya menggunakan generalisasi.
  - B ianya menggunakan soal selidik.
  - C ianya berasaskan bukti.
  - D rumusannya bersifat subjektif.
- S3 IPTA di Malaysia yang mula memperkenalkan bidang sosiologi ialah
- A Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
  - B Jabatan Pengajian Kemanusiaan, Universiti Malaya.
  - C Jabatan Pengajian Sains Sosial, Universiti Malaya.
  - D Jabatan Pendidikan, Universiti Malaya.
- S4 Manakah yang lebih tepat mengenai takrifan sosiologi?
- A Kajian terhadap pola tingkahlaku manusia dalam sesebuah kelompok manusia.
  - B Kajian mengenai cara manusia berfikir untuk membentuk kelompok manusia yang stabil.
  - C Mengkaji struktur organisasi sesebuah kelompok manusia.
  - D Kajian mengenai interaksi manusia yang berlaku secara semula jadi.
- S5 *Symbolic Interactionisme* merujuk kepada cara manusia berinteraksi melalui simbol-simbol tertentu seperti alat, lambang dan bahasa. Ia diperkenalkan oleh
- A Karl Marx.
  - B George Herbert Mead.
  - C Max Weber.
  - D Emile Durkheim.

- S6 Contoh fenomena kehidupan manusia dalam kumpulan adalah seperti berikut
- A kepercayaan, peraturan, undang-undang dan adat.
  - B undang-undang, adat, resam dan tradisi.
  - C peraturan, undang-undang, adat dan resam.
  - D adat, resam, tradisi dan nilai.
- S7 Peraturan atau panduan yang dikongsi bersama bagi menentukan tingkahlaku yang sesuai di dalam situasi tertentu adalah merujuk kepada
- A nilai.
  - B norma.
  - C mores.
  - D adat.
- S8 Mengapakah seseorang guru perlu menjadi seorang penilai yang efektif dalam perkara akademik dan buka akademik?
- A Supaya ianya dapat memberikan markah yang cepat.
  - B Supaya ianya tidak memilih kasih.
  - C Supaya ianya dapat maklum balas yang berkesan.
  - D Supaya sekolah dapat memenuhi kehendak dokumentasi kualiti.
- S9 Budaya sesebuah sekolah akan dipengaruhi oleh yang berikut kecuali
- A nilai masyarakat.
  - B status ekonomi sosial.
  - C matlamat sekolah.
  - D permintaan pelajar lama.
- S10 Kumpulan aktiviti berikut yang manakah sesuai dilaksanakan oleh pihak sekolah untuk mendorong murid beminat belajar.
- A Minggu Gotong Royong, Minggu Sekolah Bersih
  - B Minggu Kawat Terbaik, Minggu Perkhemahan, Minggu Disiplin
  - C Minggu Reka Cipta, Minggu Matematik, Minggu Bahasa
  - D Minggu Khidmat Masyarakat, Minggu Kasih Sayang, Minggu Prihatin.

- S11 Takrifan “Perubahan Sosial” yang paling tepat ialah
- A perubahan fizikal sesebuah masyarakat yang dipaksa oleh perubahan persekitarannya.
  - B pemindahan peringkat kedudukan sosial dari peringkat yang rendah ke tahap yang lebih tinggi.
  - C perubahan dalam bentuk organisasi sosial bagi kelompok tertentu dalam sesuatu masyarakat.
  - D perubahan status ekonomi dalam sesuatu komuniti dalam sesebuah masyarakat.
- S12 Selepas tahun 1967, pendidikan teknik dan vokasional telah berkembang pesat untuk melahirkan tenaga pekerja yang mahir serta separa mahir demi memenuhi permintaan industri. Perubahan ini boleh dijelaskan melalui teori berikut
- A Teori Perkembangan Ekonomi.
  - B Teori Makro.
  - C Teori Klasik Kitaran.
  - D Teori Evolusi.
- S13 Antara matlamat Sekolah Bestari yang paling hampir dengan Falsafah Pendidikan Negara ialah
- A melahirkan masyarakat yang berpandangan jauh dan berpengetahuan dalam teknologi terkini.
  - B menambah penyertaan ibu bapa, masyarakat, dan sektor swasta dalam pendidikan.
  - C menggalakkan pembinaan diri dari segi jasmani, rohani, emosi dan intelektual.
  - D memberikan peluang pembelajaran kepada pelajar.
- S14 Ciri-ciri yang dinyatakan berikut merujuk kepada
- perubahan kedudukan dalam sistem susun lapis
  - pertambahan pendapatan
  - pertambahan kuasa
  - pertambahan prestij
- A Susun Lapis Kompleks.
  - B Mobiliti Sosial.
  - C Evolusi Status.
  - D Perubahan Makro.

- S15 Pernyataan yang paling tepat mengenai budaya sekolah ialah
- A cara hidup di sekolah yang mengarah kepada pencapaian matlamat rasmi.
  - B cara guru mengajar pelajar seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran.
  - C cara pelajar menerima pelajaran guru.
  - D tugas masyarakat memantau aktiviti sekolah.
- S16 Mengapakah sekolah dianggap sebagai sebuah organisasi?
- A Sekolah mempunyai sistem pentadbiran yang bersifat birokratik dan bermatlamat.
  - B Sekolah membawa kepada perubahan sosial, ekonomi dan negara.
  - C Sekolah merupakan pelaburan ekonomi untuk ibu bapa.
  - D Sekolah dapat meningkatkan status sosio-ekonomi sesebuah keluarga.
- S17 Corak perhubungan sekolah di antara guru besar dan guru yang mementingkan interaksi sosial dan keperluan ramah mesra ialah
- A iklim terbuka.
  - B iklim berautonomi.
  - C iklim terkawal.
  - D iklim kebapaan.
- S18 Manakah antara berikut bukan merupakan peranan sekolah?
- A Agen penapisan ke jurusan tertentu.
  - B Agen perubahan sosial.
  - C Melatih murid menjadi pemimpin dan ahli politik.
  - D Melatih murid membanding bezakan status sosio-ekonomi keluarga.
- S19 Pelaksanaan KBSR dan KBSM adalah usaha untuk menerapkan budaya formal sekolah yang bercorak
- A instrumental.
  - B ekspresif.
  - C moral.
  - D relatif.

- S20 Rakyat Malaysia berhak mendapat pendidikan percuma sekurang-kurangnya \_\_\_\_\_ tahun dan boleh mengulang \_\_\_\_\_ kali.
- A 10, 2
  - B 9,1
  - C 11,1
  - D 12, 2
- S21 Devian berpunca dari tindakan pelajar yang sering dibuli oleh pelajar lain yang mempunyai pengaruh di sekolah. Pendapat ini berdasarkan kepada teori
- A fungsionalisme.
  - B konflik.
  - C interaksionisme.
  - D sub-budaya.
- S22 Mengapakah guru tidak dianggap setara dengan profesion yang lain?
- A Kualiti dan latar belakang kelayakan akademik calon bakal guru lebih rendah berbanding profesion lain.
  - B Sifat-sifat dan kualiti peribadi guru yang kurang inovatif, toleransi, dedikasi dan sebagainya.
  - C Guru tidak berkemahiran mengendalikan tugas-tugas khas yang dipertanggungjawabkan kepada mereka seperti menjadi penasihat ko-kurikulum.
  - D Sukar untuk membanding profesion perguruan dengan profesion lain kerana profesion perguruan tidak boleh diukur dengan ganjaran wang semata-mata.
- S23 Kegagalan guru menyesuaikan diri dengan kehidupan masyarakat menyebabkan timbulnya konflik peranan. Konflik ini timbul disebabkan oleh
- A guru mempunyai autonomi yang kecil dan terhad dalam bilik darjah.
  - B guru tidak pandai melayan karenah murid dan ibu bapa serta mudah putus asa menghadapi tugas seharian.
  - C tidak ada sifat-sifat atau ketokohan sebagai seorang guru untuk menjadi model dan pemimpin kepada murid dan masyarakat.
  - D praktikum yang terdapat dalam profesion perguruan tidak mencukupi.

- S24 Keterangan ciri-ciri berikut menunjukkan peranan guru sebagai
- Murid sangat berminat untuk belajar
  - Murid bersikap positif dalam kelas
  - Kurikulum dibina bersama oleh guru dan murid
- A penjinak singa.  
B penghibur.  
C romantik.  
D instruktur.
- S25 Masalah disiplin terjadi kerana individu mengalami kerisauan, jadi guru perlu menggunakan pendekatan yang dapat membentuk konsep dan nilai sendiri yang positif. Pendekatan yang dimaksudkan ialah pendekatan
- A humanistik.  
B demokratik.  
C behaviorisme.  
D interpersonal.
- S26 Implikasi pembukaan cawangan universiti-universiti luar negara dan program berkembar dengan universiti luar negara dapat
- A merapatkan jurang ekonomi dan sosial di antara kaum dalam masyarakat di Malaysia.  
B menjadikan Malaysia berjaya sebagai pusat kecemerlangan pendidikan serantau abad ke 21.  
C mengujudkan persaingan kepada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan.  
D menawarkan kursus-kursus yang berbentuk falsafah dan kemasyarakatan.
- S27 Peranan guru dalam aspek perhubungan awam ialah
- A mengawasi keceriaan sekolah.  
B sebagai guru panatia pelajaran.  
C mengambil kedatangan pelajar.  
D sebagai penasihat dan pembangun masyarakat.

- S28 Pilih aplikasi teori konflik yang tidak tepat.
- A Perubahan sosial menyebabkan perjuangan.
  - B Masyarakat sentiasa berubah dan konflik berterusan.
  - C Yang berkuasa memaksa yang lemah.
  - D Setiap konflik timbul tidak mewujudkan kelompok baru.
- S29 Teori ini melihat devian sebagai sesuatu yang subjektif dan merupakan suatu proses sosial.
- A Teori Fungsionalisme.
  - B Teori Konflik.
  - C Teori Interaksionisme.
  - D Teori Sub-budaya.
- S30 Menurut Hargreave (1975), murid melihat guru yang menjalankan peranan sebagai instruktur sepatutnya
- A tegas dan adil
  - B berani dan berdisplin.
  - C jelas dan menarik.
  - D mengambil berat dan memahami.
- S31 Berikut merupakan idea-idea Teori Konflik dalam bidang sosiologi,
- I Interaksi sosial berdasarkan bentuk pergelutan serta huru-hara.
  - II Yang berkuasa memaksa orang yang lemah melalui persetujuan
  - III Konflik selalu berlaku tetapi bukan keganasan
  - IV Konflik akan memanjangkan kelompok yang bersatu.
- A I, II dan III sahaja.
  - B I, III dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja.
  - D I, II, III dan IV



- S32 Pilih teori berikut yang dikategorikan bawah Teori Makro.
- I Teori Fungsionalisme
  - II Teori Pertukaran
  - III Teori Konflik
  - IV Teori Interaksionisme
- A I dan II sahaja.  
B II dan IV sahaja.  
C I dan III sahaja.  
D I, II dan III sahaja.
- S33 Kenyataan berikut adalah tepat mengenai perubahan dan amalan yang dilakukan oleh guru dan pelajar sekolah.
- I Perubahan yang tidak dirancang dipanggil *evolutionary*
  - II Perubahan yang dirancang dipanggil sebagai transformatif
  - III Perubahan yang mungkin implisit dan mungkin tidak dipanggil *additive*.
  - IV Perubahan yang dikerjasamakan dipanggil *colloborative*
- A I, II dan III sahaja.  
B II, III dan IV sahaja.  
C I sahaja  
D I, II, III, IV.
- S34 Pilih kenyataan yang paling tepat mengenai perubahan sosial melalui pandangan Model Fungsional.
- I Institusi sosial yang tidak memberi faedah kepada masyarakat tidak akan kekal lama.
  - II Konflik memang wujud di dalam masyarakat untuk memberi kestabilan dan perubahan sosial.
  - III Keujudan khidmat orang gaji atau tempat asuhan kanak-kanak disebabkan oleh suami isteri yang tidak berkemahiran untuk membuat kerja rumah.
  - IV Fungsi di dalam masyarakat ditetapkan oleh kumpulan yang berkuasa di dalam sesuatu masyarakat.
- A I dan II sahaja.  
B II dan III sahaja.  
C I, II dan III sahaja.  
D I, II, III, IV.

S35 Bapa Hiaw Luck telah bekerja dengan Syarikat Parit Raja selama 10 tahun dan telah dinaikkan pangkatnya sebagai pengurus cawangan. Perubahan bapanya boleh dikategorikan sebagai

- I mobiliti mendatar
- II mobiliti sosial
- III mobiliti dalam satu generasi
- IV mobiliti menegak

- A I dan II sahaja.
- B II dan III sahaja.
- C III dan IV sahaja.
- D II dan III sahaja.

S36 Manakah di bawah ini merupakan aliran yang ditawarkan dalam sistem persekolahan di Malaysia.

- I Aliran Sains.
- II Aliran Agama.
- III Aliran Teknik.
- IV Aliran Kejuruteraan.

- A I, II dan III sahaja.
- B III dan IV sahaja.
- C I, III dan IV sahaja.
- D I, II, III, IV.

S37 Menurut kajian Tattum (1986), berikut merupakan faktor-faktor yang menyumbang kepada kelakuan devian dan delinkuen murid kecuali

- I kegagalan guru berperanan dalam bilik darjah.
- II sikap guru yang tidak menghormati murid.
- III ketidakadilan dan keseragaman guru dalam penguatkuasaan peraturan.
- IV guru terlalu mengikut kemahuan murid.

- A I dan II sahaja.
- B I, II dan III sahaja.
- C III dan IV sahaja.
- D I, II, III, IV.

- S38 Menurut Amir Hassan Dawi dalam bukunya Penteorian Sosiologi dan Pendidikan, antara cabaran sistem pendidikan akibat dari perkembangan teknologi dan sistem maklumat di Malaysia dalam abad ke 21 ini ialah
- I Guru-guru tidak dianggap sebagai sumber maklumat yang sah dan utama.
  - II Anak-anak pra-sekolah akan disosialisasikan oleh televisyen dan video.
  - III Polarisasi kaum di sekolah dan IPT dapat dikurangkan kerana setiap kaum memilih institusi pendidikan yang berlainan corak.
  - IV Peranan guru bertukar sebagai pemudah cara, khususnya membantu murid-murid lulus dengan cemerlang.
- A I, II, dan III sahaja.
  - B I, II dan IV sahaja.
  - C I dan IV sahaja.
  - D II dan III sahaja.
- S39 Ciri-ciri birokratik yang wujud di sekolah ialah:
- I ada undang-undang dan dasar yang jelas.
  - II setiap jawatan mengikut kelulusan tertentu.
  - III sistem autoriti yang bebas membuat keputusan.
  - IV tiada pengkhususan dalam menjalankan tugas.
- A I sahaja.
  - B I dan II sahaja.
  - C I, II dan III sahaja.
  - D I, II, III dan IV.
- S40 Antara cabaran pendidikan abad ke 21 ialah penubuhan sekolah bestari. Nyatakan cabaran-cabaran dalam pelaksanaan sekolah bestari.
- I Malaysia tidak mempunyai kawasan yang sesuai untuk mendirikan sekolah bestari.
  - II Perbelanjaan untuk melaksanakan sekolah bestari memerlukan berbillion ringgit.
  - III Golongan berpendapatan rendah tidak mampu menyediakan diri dengan pedagogi-pedagogi bestari.
  - IV Pedagogi bestari melahirkan ketidakseimbangan antara pelajar-pelajar golongan miskin dan golongan kaya dalam menguasai kurikulum.
- A I, II dan III sahaja.
  - B II, III dan IV sahaja.
  - C II dan III sahaja.
  - D III dan IV sahaja.

**BAHAGIAN B (40 markah)**

- S1 “Sekolah Berkesan, Masalah Disiplin Berkurangan” ialah tema forum yang akan dianjurkan oleh Pejabat Pendidikan Daerah Batu Pahat pada 20 November 2006 bertempat di Dewan Serbaguna, Parit Raja. Forum ini akan dihadiri oleh semua pengetua sekolah menengah daerah Batu Pahat untuk membincangkan isu dan resolusi menghadapi cabaran tersebut.

Sekolah anda telah dikenalpasti sebagai sekolah berkesan dan dipilih oleh Pegawai Pelajaran Daerah untuk membentangkan kertas kerja mengenai cadangan penyelesaian masalah disiplin pelajar. Anda diminta oleh pengetua untuk menyediakan kertas kerja mengcadangkan lima resolusi dan cara perlaksanaannya.

(20 markah)

- S2 “Kurikulum tersembunyi yang diterapkan dalam pembelajaran seumur hidup (*life long learning*) mempunyai matlamat untuk melahirkan generasi berilmu dan berakhlak dalam usaha menghadapi masa depan yang penuh persaingan.”

Berdasarkan pernyataan di atas, bincangkan:

- (a) Peranan kurikulum tersembunyi dalam sistem informal.

(10 markah)

- (b) Cabaran yang dipikul oleh para guru Abad ke 21 ini untuk membina budaya ilmu di Malaysia.

(10 markah)